

SULIT

5226/1  
Tasawwur  
Islam  
Kertas 1  
Ogos/Sept.  
2011



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

---

PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

---

PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

TASAWWUR ISLAM

Kertas 1

---

PERATURAN PEMARKAHAN

---

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

---

5226/1 © Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

[Lihat sebelah  
SULIT

SULIT

,2

5226/1

BAHAGIAN A

1	B	2	D	3	C	4	C
5	A	6	B	7	C	8	A
9	A	10	B	11	C	12	D
13	B	14	B	15	D	16	A
17	C	18	D	19	D	20	C

BAHAGIAN B

- 21 MAKSUM
- 22 ULUHIYYAH
- 23 SYUMULIYYAH
- 24 HAK MILIK
- 25 ALAM GHAIB
- 26 KUFUR/KAFIR
- 27 MURUNAH
- 28 ETIKA / BUDAYA
- 29 FATWA
- 30 IJTIHAD

Jawapan soalan 31 dan 32 adalah salah satu dari berikut:

- BERSIFAT RABBANI
  - BERAKHLAK MULIA
- ( tidak perlu ikut susunan)

Jawapan soalan 33 hingga 40 adalah seperti berikut:

- 33 AL MUSYARAKAH
- 34 AR-RAHN
- 35 AL WADI'AH
- 36 AL MURABAHAH
- 37 X
- 38 √
- 39 √
- 40 X

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

5226/1 © Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan

SULIT

SULIT

5226/2  
Tasawwur  
Islam  
Kertas 2  
Ogos/Sept.2011  
2 ½ jam



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

---

PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

---

TASAWWUR ISLAM

Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

---

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

---

Kertas ini mengandungi 8 halaman bercetak

## PERATURAN PEMERKAHAN KERTAS DUA

Nombor Soalan	Jawapan	Markah
1. a	Pengertian Asma' wa sifat ialah - Allah SWT memiliki nama-nama yang indah dan mulia serta memiliki sifat-sifat yang sempurna	1 isi X 2m [ 2 markah ]
b.	<b>Dua</b> peranan agama Islam dalam membina tamadun manusia P1- Menuntut penganutnya beramal dan berusaha / untuk memajukan diri. P2- Mewajibkan umat Islam menuntut dan mendalami ilmu pengetahuan / dalam pelbagai bidang. P3- Mengkehendaki umat Islam berfikir / secara kreatif dan inovatif. P4- Islam mengatur peradaban dan akhlak / untuk memastikan manusia dapat mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.	2 isi X 2m [ 4 markah ]
c.	<b>Dua</b> sebab mengapa manusia memerlukan bimbingan rasul. P1- Untuk mengembalikan kepercayaan dan keyakinan kepada akidah yang benar. P2- Untuk memastikan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW tidak bertentangan dengan ajaran-ajaran rasul terdahulu. P3- Rasul yang terdahulu diutuskan sesuai dengan zaman, bangsa atau wilayah ketika itu.	2 isi X 2m [ 4 markah ]
d.	<b>Dua</b> cara memulihara alam musyahadah. P1- Menanam semula pokok / yang ditebang. P2- Menkuatkuasakan undang-undang / aktiviti memburu/ bunuh binatang liar/ alam sekitar. P3- Membersihkan sungai / yang tercemar.. P4- Melaksanakan amalan kitar semula / untuk mengelakkan pencemaran. P6- Menimbus kawasan lombong yang ditinggalkan/ tebus guna semula.	2 isi X 2m [ 4 markah ]
e. i)	Pengertian hadis. Sesuatu yang diterima daripada Rasulullah SAW sama ada berupa perkataan, perbuatan dan pengakuan baginda.	1 isi X 2 m [ 2 markah ]
ii)	<b>Dua</b> ciri hadis sahih yang boleh dijadikan hujah bagi umat Islam . P1- hadis yang mempunyai sanad yang bersambung terus kepada Rasulullah SAW. P2- hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang thiqah/ adil/ dhabit P3- hadis yang tidak terdapat sebarang kecacatan yang kecil mahupun yang tersembunyi.	2 isi X 2m [ 4 markah ]



i)	<b>Maksud Rabbaniyyah</b> Semua hukum, konsep, prinsip, nilai dan peraturan Islam adalah secara mutlak daripada Allah SWT.	1 isi X 2m [ 2 markah ]
ii)	<b>Dua cara menghayati sifat Rabbaniyyah</b> P1- percaya dan yakin / dengan segala rukun iman. P2- mengerjakan segala perintah Allah SWT / seperti bersolat dan meninggalkan segala larangannya P3- berjihad dengan nyawa, harta benda dan fikiran / untuk meninggikan syariat Islam. P4- bekerja dan berusaha dengan bersungguh-sungguh / untuk mencari keredaan Allah SWT P5- berakhlak mulia dan terpuji / dalam kehidupan seharian	2 isi X 2m [ 4 markah ]
b.	<b>Dua bukti Islam bersifat waqi'iyah dalam bidang perundangan</b> P1- keadilan Islam bersifat sejagat / tanpa mengira pangkat dan darjat seseorang. P2- Islam menetapkan hukuman / yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan P3- Islam memelihara hak asasi manusia / daripada diceroboh. P4- konsep pembalasan dalam perundangan Islam / merangkumi dunia dan akhirat. P5- perundangan Islam membela golongan yang tertindas dan lemah.	2 isi X 2m [ 4 markah ]
c.	<b>Dua contoh konsep murunah dalam Islam.</b> P1- rukhsah dalam solat / contohnya solat boleh diqasarkan jika dalam keadaan bermusafir P2- umat Islam dibenarkan memakai pakaian berfesyen / dengan syarat menutup aurat P3- rukhsah dalam puasa / contohnya boleh berbuka puasa ketika sakit P4- rukhsah dalam haji / contohnya haji hanya diwajibkan keatas orang yang berkemampuan sahaja.	2 isi X 2m [ 4 markah ]
d.i)	<b>Dua perkara yang thabat dalam ajaran Islam.</b> P1- Akidah / ialah keyakinan kepada Allah SWT yang Maha Esa dan tiada sekutu baginya. Keyakinan ini tidak boleh berubah walau apa pun yang berlaku. P2- Ibadat / Dalam melakukan ibadat wajib, Islam tidak pernah memberi toleransi kepada umatnya. Kita tetap wajib menunaikan ibadat walau dalam apa jua keadaan cuma caranya sahaja yang berbeza. P3 - Ketetapan Hukum Syarak / Hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh Allah SWT seperti hukum wajib, haram, sunat, makruh dan harus akan tetap kekal sehingga ke hari kiamat.	2 isi X 2m [ 4 markah ]
ii)	Contoh perkaitan antara murunah dengan thabat dalam aspek berpakaian. - kewajipan menutup aurat adalah tetap, / tetapi cara menutup aurat ( berpakaian ) diberi kelonggaran kepada manusia mengikut feysen dan keselesaan mereka.	1 isi X 2 m [ 2 markah ]

3. a.	<b>Pengertian negara Islam</b> • Negara yang mengamalkan sistem pemerintahan yang berteraskan kepada al-Quran dan al-Sunnah.	1 isi X 2 [ 2 markah ]
b.	<b>Tiga tanggungjawab rakyat terhadap negara</b> P1- menumpukan taat setia kepada raja dan negara /dengan membangunkan ekonomi, sosial dan negara. P2- bekerjasama membanteras kemungkararan / seperti membanteras rasuah dan zina. P3- bekerjasama mempertahankan negara / daripada serangan musuh. P4- menghormati kebebasan beragama / supaya perpaduan dapat dikekalkan. P5- menuntut ilmu / supaya boleh memajukan negara. P6- melindungi pemimpin Islam / sebagai sokongan daripada rakyat. P7- menasihati pemimpin / agar melaksanakan tugas dengan amanah. P8- menjaga keamanan dan keharmonian hidup bermasyarakat / supaya rakyat dapat hidup dengan harmoni.	3 isi X 2 m [ 6 markah ]
c.	<b>Dua akibat mengabaikan tanggungjawab sebagai pemimpin.</b> P1- Sistem pemerintahan negara menjadi kucar kacir. P2- Ekonomi negara menjadi mundur. P3- Amalan rasuah akan berleluasa dalam negara. P4- Pemberontakan dan rasa tidak puas hati rakyat akan berlaku. P5- Negara akan dijajah oleh kuasa asing. P6- Negara berada dalam huru hara. ( mana-mana jawapan yang munasabah diterima )	2 isi X 2 m [ 4 markah ]
d.	<b>Dua matlamat utama sistem kehakiman Islam.</b> P1- menegakkan keadilan kepada semua rakyat / tanpa mengira kedudukan dan taraf. P2- menentang kezaliman / dengan menjatuhkan hukuman ke atas penjenayah. P3- membela orang yang dizalimi agar keadilan dapat ditegakkan.	2 isi X 2 m [ 4 markah ]
e.	<b>Dua peranan remaja dalam membangunkan sesebuah negara.</b> P1- menumpukan perhatian terhadap pelajaran / bagi menambahkan ilmu pengetahuan. P2- membangunkan negara seperti ilmu sains dan teknologi. P3- menjauhkan diri dari perkara-perkara negatif seperti menjauhi dadah. P4- menceburi bidang kemahiran dan teknologi tinggi seperti ICT dan sebagainya.	2 isi X 2 m [ 4 markah ]



i)	<b>Maksud</b> pencerobohan harta. - mengambil harta orang lain tanpa kebenaran yang sah disisi syarak.	1 isi X 2 m [ 2 markah ]
ii)	<b>Dua</b> punca berlakunya pencerobohan harta. P1- Terpengaruh dengan kemewahan dunia / dengan melakukan apa cara sekalipun. P2- Tidak mengamalkan ajaran Islam yang sebenar / dalam kehidupan seharian. P3- Wujudnya perasaan tamak dan ingin cepat kaya / tanpa berusaha.	2 isi X 2 m [ 4 markah ]
b. i)	<b>Dua</b> matlamat bekerja menurut Islam. P1- mencari rezeki yang halal untuk menyara diri dan keluarga. P2- membangun dan meningkatkan ekonomi diri dan negara. P3- mengelakkan diri daripada bergantung kepada orang lain. P4- mendapatkan keredaan Allah SAW melalui pekerjaan yang halal.	2 isi X 2 m [ 4 markah ]
ii)	<b>Dua</b> syarat sesuatu pekerjaan menjadi ibadat. P1- Bekerja dengan ikhlas kerana Allah SWT. P2- pekerjaan yang halal dan dibenarkan oleh syarak. P3- Pekerjaan yang tidak melalaikan seseorang daripada melakukan ibadat kepada Allah SWT. P4- Pekerjaan yang tidak menjejaskan kepentingan awam atau alam sekitar.	2 isi X 2 m [ 4 markah ]
c. i)	Pengertian muamalah. - Tatacara perhubungan sesama manusia dalam memenuhi keperluan masing-masing /jual beli dan perdagangan yang lain.	1 isi X 2 m [ 2 markah ]
ii)	<b>Dua</b> kesan muamalah Islam dalam meningkatkan kualiti kehidupan muslim. P1- Mendapat keredaan Allah SWT / kerana telah melaksanakan syariat Allah SWT. P2- Menjamin keharmonian hidup manusia dengan / mengamalkan konsep kerjasama. P3- Menjamin keadilan sejagat / tanpa mengira kedudukan dan darjat seseorang. P4- Membangunkan tamadun manusia / melalui sistem ekonomi yang pelbagai jenis.	2 isi X 2 m [ 4 markah ]
5. a.	<b>Empat</b> keunggulan Islam ialah: P1- Ciptaan Allah. P2- Lengkap dan sesuai. P3- Hukuman yang adil. P4- Kekal hingga ke akhirat. P5- Mendidik jiwa manusia. P6- Memelihara kehormatan masyarakat dan negara. P7- Hukuman bersifat memberi pangajaran. P8- Ganjaran pahala bagi orang yang mematuhi undang-undang Islam.	4 isi X 1 m [ 4 markah ]

b.	<p>Perbezaan antara perundangan Islam dengan perundangan ciptaan manusia:</p> <table border="1" data-bbox="231 224 885 712"> <tr> <td>Perundangan Islam</td> <td>Perundangan ciptaan manusia</td> </tr> <tr> <td>Ciptaan Allah</td> <td>Ciptaan manusia</td> </tr> <tr> <td>Bersifat universal</td> <td>Bersifat setempat</td> </tr> <tr> <td>Sesuai pada semua tempat dan zaman</td> <td>Sesuai hanya pada sesuatu tempat dan keadaan sahaja</td> </tr> <tr> <td>Al-Quran dan hadis sebagai rujukan</td> <td>Pemikiran manusia sebagai sumber rujukan</td> </tr> <tr> <td>Lengkap dan merangkumi dunia dan akhirat</td> <td>Merangkumi dunia sahaja</td> </tr> <tr> <td>Mengingkarinya berdosa dan mematuhi mendapat pahala</td> <td>Melanggarnya akan dikenakan tindakan di dunia</td> </tr> </table>	Perundangan Islam	Perundangan ciptaan manusia	Ciptaan Allah	Ciptaan manusia	Bersifat universal	Bersifat setempat	Sesuai pada semua tempat dan zaman	Sesuai hanya pada sesuatu tempat dan keadaan sahaja	Al-Quran dan hadis sebagai rujukan	Pemikiran manusia sebagai sumber rujukan	Lengkap dan merangkumi dunia dan akhirat	Merangkumi dunia sahaja	Mengingkarinya berdosa dan mematuhi mendapat pahala	Melanggarnya akan dikenakan tindakan di dunia	2 isi X 2 [ 4 markah ]
Perundangan Islam	Perundangan ciptaan manusia															
Ciptaan Allah	Ciptaan manusia															
Bersifat universal	Bersifat setempat															
Sesuai pada semua tempat dan zaman	Sesuai hanya pada sesuatu tempat dan keadaan sahaja															
Al-Quran dan hadis sebagai rujukan	Pemikiran manusia sebagai sumber rujukan															
Lengkap dan merangkumi dunia dan akhirat	Merangkumi dunia sahaja															
Mengingkarinya berdosa dan mematuhi mendapat pahala	Melanggarnya akan dikenakan tindakan di dunia															
c.	<p>Dua hikmah disyariatkan hukum wajib:</p> <p>P1- Memastikan manusia melakukan perkara yang boleh membawa kebaikan / dalam kehidupan mereka.</p> <p>P2- Memastikan manusia tidak meninggalkan perkara asas / dalam agama.</p> <p>P3- Memastikan kepentingan / keselamatan / dan keharmonian / hidup manusia terpelihara.</p> <p>P4- Menguji manusia / sama ada mematuhi atau mengingkari perintah Allah SWT.</p>	2 isi X 2 m [ 4 markah ]														
d.	<p>Dua kepentingan diat kepada masyarakat.</p> <p>P1- Memberikan jaminan sosial kepada masyarakat dalam soal ganti rugi.</p> <p>p2- Memberikan peluang kepada penjenayah untuk bertaubat atas kesalahan yang dilakukan.</p> <p>P3- Membuktikan ajaran Islam menganjurkan umat manusia supaya bermaaf-maafan .</p> <p>p4- Memberikan pengajaran kepada masyarakat supaya menjauhi perbuatan jenayah.</p> <p>P5- mengelakkan keluarga mangsa daripada membalas dendam dan membelakangi undang-undang.</p>	2 isi X 2 m [ 4 markah ]														
e.	<p>Dua tanggungjawab ibubapa terhadap anak</p> <p>P1- Bertolak ansur dan berunding / sebelum membuat keputusan</p> <p>P2- mendidik anak-anak / dengan didikan yang baik dan sempurna</p> <p>P3- memberikan kasih sayang kepada anak-anak / tanpa membeza-bezakan mereka.</p> <p>P4- memberikan layanan yang saksama / kepada semua ahli keluarga.</p>	2 isi X 2 m [ 4 markah ]														



	<p><b>Empat amalan dalam penyelesaian masalah:</b>  P1- Melalui Al-Quran  P2- Melalui Al-Hadis  P3- Melalui tindakan pemerintah  P4- Melalui nasihat yang bijaksana  P5- Melalui dakwah  P6- Melalui pendidikan  P7- Melalui doa  P8- Melalui kesungguhan bekerja  P9- Melalui pegangan agama Islam yang teguh</p>	4 isi X 1 m [ 4 markah ]
b.	<p>Dua cara berdakwah yang berkesan:  P1- Memberikan penerangan dan penjelasan tentang kebenaran dan keindahan Islam/ mengikut kemampuan orang yang mendengar.  P2- Memberi nasihat yang baik / melalui contoh teladan yang terpuji.  P3- mengadakan perbincangan dan perbahasan / yang baik dalam bentuk ceramah, forum dan sebagainya.  P4- Menyalurkan khidmat amal kebajikan / yang dapat memenuhi keperluan masyarakat.  P5- Memberikan pengetahuan / yang sempurna.</p>	2 isi X 2 m [ 4 markah ]
c.	<p><b>Dua punca berlakunya masalah perpecahan umat:</b>  P1- Kelemahan iman dan takwa / kepada Allah SWT.  P2- Lemah dalam pengurusan ilmu sains dan teknologi  P3- Tiada kesedaran / untuk mempertahankan Islam dan umat Islam.  P4- Leka dengan kemewahan hidup.  ( mana-mana jawapan yang munasabah diterima )</p>	2 isi X 2 m [ 4 markah ]
d.	<p><b>Dua bukti Islam mampu menyelesaikan masalah manusia:</b>  P1- Islam telah mensyariatkan pelbagai peraturan dan hukum.  P2- Hukum-hukum tersebut dapat mengawal setiap aktiviti manusia / agar mendapat kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.  P3- Islam menyediakan balasan / atas semua perbuatan manusia samada di dunia atau di akhirat .</p>	2 isi X 2 m [ 4 markah ]
e.	<p><b>Dua cara saya mengatasi masalah rakan saya yang tidak menyiapkan kerja sekolah:</b>  P1- Mengajak rakan sama-sama menyiapkan kerja sekolah / supaya dapat membantunya dalam memahami kehendak soalan tersebut.  P2- Membimbingnya agar menjadi pelajar yang baik /dengan meninggalkan amalan yang negatif.  P3- Menasihatinya agar bertanyakan kepada guru / sekiranya dia menghadapi masalah.  P4- Berdakwah kepada rakan dengan menceritakan kesan buruk tidak menyiapkan kerja sekolah.  P5- Memberikan contoh teladan yang baik / kepada pelajar lain.  P6- Mengamalkan /menghayati ajaran Islam/ nilai-nilai murni dalam kehidupan.  P7- Melaporkan kepada guru / ibubapa.  ( mana-mana jawapan yang munasabah diterima )</p>	2 isi X 2 m [ 4 markah ]

7. a.	<p><b>Dua syarat bermuamalah secara am ialah</b>  P1- Persetujuan daripada kedua belah pihak yang menjalankan transaksi ijab dan kabul.  P2- Pihak yang melakukan transaksi muamalah mestilah waras dan sempurna akal  P3- Transaksi yang dilakukan mestilah bersih daripada unsur-unsur penipuan  P4- Barangan yang diperniagakan mestilah milik sah penjual</p>	2 isi X 2 m [ 4 markah ]
b.	<p><b>Dua cara bermuamalah secara Islam yang melahirkan masyarakat yang adil dan sejahtera ialah:</b>  P1- Melalui sistem takaful. Wujudnya sifat amanah kerana syarikat menguruskan wang dengan bertanggungjawab.  P2- Melalui kegiatan koperasi. Keuntungan daripada wang yang dilaburkan dibahagikan secara adil.</p>	2 isi X 2 m [ 4 markah ]
c.	<p><b>Dua cara membanteras gejala rasuah:</b>  P1- Menanamkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.  P2- Mengingatkan tentang azab Allah SWT.  P3- Mengadakan kempen perangi rasuah.  P4- Memberikan kesedaran tentang keburukan perbuatan memberi dan menerima rasuah.  P5- Penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas.</p>	2 isi X 2 m [ 4 markah ]
d.	<p><b>Empat ciri suami yang soleh ialah</b>  P1- memberikan nafkah zahir kepada isteri.  P2- memberikan nafkah batin kepada isteri.  P3- memberikan layanan yang baik.  P4- mencurahkan kasih sayang yang ikhlas.  P5- melindungi keselamatan keluarga.  P6- menjaga maruah keluarga.  P7- memberikan didikan agama dengan sempurna/ kepada ahli keluarga.  P8- berlaku adil jika berpoligami.  ( mana-mana jawapan yang munasabah diterima )</p>	4 isi X 1 m [ 4 markah ]
e.	<p><b>Dua punca keruntuhan perkahwinan</b>  P1 - Tanggungjawab terhadap keluarga tidak dilaksanakan dengan sempurna mengikut tugas masing-masing.  P2- Malas berusaha untuk memenuhi keperluan keluarga sehingga berada dalam kemiskinan.  P3- Gagal bertolak ansur dalam sesuatu perkara yang memerlukan persetujuan bersama.  P4- Kurangnya pendidikan dan penghayatan Islam.  ( mana-mana jawapan yang munasabah diterima )</p>	2 isi X 2 m [ 4 markah ]

## PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT